



SUARA

Persatuan Pegawai Syariah Malaysia

..Suara PPSM Keluaran ke 5/2004.. Edisi Percuma (untuk ahli sahaja)..

Penarikan Balik Sijil Halal Hotel Syuen Perak

Persidangan Pegawai Syariah Malaysia yang diadakan di Ipoh Perak pada 23-25 Ogos 2004 yang lalu berlangsung dalam keadaan yang teratur dan harmoni sekali. Malangnya selepas itu kita digemparkan dengan isu penarikan balik sijil halal oleh Jabatan Agama Islam Perak (Jaip) di Silver Boat Coffee House dan Season Coffee House, Syuen Hotel .

Isu ini timbul apabila lawatan susulan oleh Pegawai Jaip mendapati kedua-dua Coffee House ini tidak mematuhi kriteria halal dan isu yang diutarakan ialah penggunaan alkohol dalam masakan, pembekal ayam yang tidak mempunyai sijil pengesahan halal, penjualan arak dalam premis dan tiada pekerja Islam ditugaskan di dapur Silver Boat Coffee House.

Berikutan itu, Presiden PPSM Tuan Haji Abdul Walid bin Abu Hassan dalam suratnya bertarikh 2 November 2004 kepada Pengurus Hotel telah menyatakan rasa kesal dengan peristiwa tersebut.

Hotel Syuen dalam suratnya bertarikh 6 November telah memohon maaf dan telah menjelaskan dengan panjang lebar bahawa makanan yang di sediakan semasa persidangan adalah halal. Penyembelihan ayam adalah secara Islam dengan menyertakan Sijil Penyembelihan Halal yang dikeluarkan oleh Jaip serta beberapa keping gambar tempat penyembelihan. Pekerja-pekerjanya juga terdiri daripada orang Melayu beragama Islam.

Untuk pengetahuan semua, keseluruhan isi kandungan surat dari Pengurus Besar Hotel Syuen akan kami emailkan untuk bacaan tuan-tuan dan puan-puan tidak lama lagi.



BLUE PRINT 2005

Kepada Pegawai Syariah yang masih belum mendapatkan Blue Print JKSM untuk tahun 2005, bolehlah berhubung dengan Cawangan Latihan JKSM agar pada tahun hadapan tidak berlaku pertindanan tarikh atau tidak hadir dalam mana-mana program yang dianjurkan oleh jabatan.

Selamat Maju Jaya

diucapkan kepada Pegawai Syariah yang telah mengikuti Kursus Induksi Umum yang telah diadakan pada 23 November hingga 11 Disember 2005 di ILKAP.

YURAN PERSATUAN

Kepada Pegawai Syariah yang masih belum mendaftar sebagai ahli PPSM, anda digalakkan untuk mendaftar keahlian secepat mungkin.

*Yuran Keahlian Seumur Hidup RM350.00

* Yuran Pendaftaran Tahunan RM 30.00 setahun.

SELAMAT TAHUN BARU 2005

Persatuan Pegawai Syariah Malaysia mengucapkan Selamat Tahun Baru 2005. Semoga kita akan lebih dedikasi dan bersemangat dalam memartabatkan Mahkamah Syariah di mata masyarakat. Insyallah.

BANJIR DI PANTAI TIMUR

Kepada Pegawai-pegawai Syariah yang berada di Kelantan, Terengganu dan Pahang yang menghadapi banjir paling buruk sejak 15 tahun lalu, PPSM mendoakan semuanya berada dalam keadaan selamat dan berharap keadaan kembali pulih seperti sedia kala.

Mana-mana Pegawai Syariah yang masih belum menjelaskan bayaran yuran sama ada ansuran yuran keahlian seumur hidup atau yuran pendaftaran tahunan. Sila jelaskannya kepada Bendahari atau Penolong Bendahari Persatuan.

SUMBANGAN KEBAJIKAN KEPADA AHLI-AHLI PPSM

Dalam Mesyuarat Exco Bil 2/2004 pada 7hb Disember 2004 telah memutuskan untuk memberi sumbangan kepada ahli-ahli PPSM yang melangsungkan perkahwinan atau di-timpa musibah.

- * Perkahwinan RM100.00 (untuk perkahwinan kali pertama sahaja)
 - Kematian (ahli, isteri & anak-anak)
 - Bencana Alam (kebakaran, banjir, kemalangan dll yang dirasakan perlu)
- Kadar sumbangan bagi kematian dan bencana alam akan ditentukan oleh Exco .

Tahniah & Selamat Pengantin Baru

PPSM mengucapkan "**SELAMAT PENGANTIN BARU**" kepada

- *Tuan Jasni Mat Desa, Pendakwa Syarie Selangor [28 November 2004]
- *Tuan Ghazali Ahmad, Hakim Mahkamah Rendah W/Persekutuan [5 Disember 2004]
- *Cik Salwani Khalid, Pegawai Syariah Cawangan ICT, JKSM [19 Disember 2004]

Semoga berbahagia hingga ke akhir hayat



Ya Allah
Seandainya telah kau catatkan dia milikku, dekatkanlah dia padaku, Satukanlah hatinya dengan hatiku Simpulkanlah kemesraan diantara kami agar kebahagiaan itu kekal abadi
Ya Allah Yang Maha Pengasih Seiringkanlah kami dalam melayari kehidupan yang sejahtera sepertimana yang Engkau kehendaki

XPDC MENDAKI GUNUNG KINABALU

Sempena Persidangan Pegawai Syariah di Sabah akan datang, Biro Sukan dan Rekreasi yang diketuai oleh Tuan Brahim Deris telah bercadang untuk mengadakan XPDC mendaki Gunung Kinabalu. Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi beliau melalui email :

ayim_jawi@yahoo.com

TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA

- Tuan Mahamad Ibrahim, Ketua Hakim Syarie Melaka di atas penganugerahan pingat "Darjah Cemerlang Melaka" (DCM).
- Tuan Yusop b. Abdul Ghani telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pahang pada 7.11.2004.

TAHNIAH diucapkan kepada:-




*Puan Maimun Mohamad, Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan

*Puan Jazilah Mohd Saad, Penolong Pengarah Latihan, JKSM

kerana mendapat cahaya mata kedua

Kepada Pegawai Syariah di Mahkamah Syariah Negeri-negeri yang mempunyai maklumat mengenai kenaikan pangkat, persaraan pegawai, penganugerahan pingat dan lain-lain maklumat, cadangan atau komen bolehlah emailkan kepada:
yuhanis@esyariah.gov.my.



Kerjasama anda amat diperlukan untuk memantap dan memajukan lagi persatuan.

KORBAN AIDILADHA

Sempena Hari Raya Aidil Adha yang akan tiba pada bulan Januari 2005 ini PPSM bercadang untuk mengadakan korban untuk disedekahkan kepada fakir-fakir miskin yang akan ditentukan tempatnya kemudian.

Sesiapa yang berminat bolehlah menghubungi TUAN HJ. MOHD ADIB B. HUSSIN